

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT, MESYUARAT KE TIGA, PENGGAL KE TIGA,
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB TUAN CHARLES ANTHONY SANTIAGO
(KLANG)**

SOALAN

TUAN CHARLES ANTHONY SANTIAGO [KLANG] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah pasangan dan anak bukan warganegara kepada rakyat Malaysia yang memohon kebenaran kemasukan ke Malaysia, dilarang atau dibenarkan memasuki Malaysia. Apakah kriteria kelulusan bagi permohonan tersebut dan bilangan yang telah diluluskan, ditolak dan masih dalam proses.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dari 7 Oktober 2020 sehingga 20 November 2020, sebanyak 4,218 permohonan kemasukan bagi kategori pasangan dan anak kepada warganegara telah dipertimbangkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) melalui sistem MyTravelPass (MTP). Daripada jumlah tersebut, 2,366 (56.1%) permohonan diluluskan, 1,574 (37.3%) permohonan ditolak manakala 278 (6.6%) permohonan sedang diproses.

Antara syarat-syarat dan kriteria permohonan kemasukan kedua-dua kategori tersebut untuk pertimbangan JIM adalah seperti berikut:

- (i) kesahihan status perkahwinan antara suami / isteri warganegara asing kepada warganegara Malaysia mengikut undang-undang negara. Perkahwinan tersebut juga mestilah berdaftar dengan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN), Jabatan Agama Islam Negeri/Majlis Agama Islam Negeri dan Kedutaan Malaysia/Pejabat Pesuruhjaya Tinggi Malaysia Luar Negara; dan
- (ii) urusan kecemasan; atau
- (iii) urusan rasmi tertakluk kepada dokumen sokongan yang dikemukakan.